



Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik

Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad

nourul_am@yahoo.com , hasnahmohamad@yahoo.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pantun Melayu dengan menggunakan perspektif semiotik. Pantun Melayu kaya dengan khazanah keindahan bahasa, penuh dengan simbol, baris bersajak dan kata-kata puitis yang indah dapat menunjukkan betapa sopannya orang-orang Melayu mengucap rasa hati, fikiran, atau idea serta jiwanya. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pantun Melayu dari perspektif semiotik dengan menggunakan teori pensemiotikan puisi Riffaterre. Pengkaji menggunakan kaedah kajian analisis teks dan membataskan kajian terhadap pantun yang diambil dari buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Hasil kajian dapat mengurangkan kesukaran untuk membuat interpretasi terhadap sesuatu lambang atau unsur yang terdapat dalam sesuatu perkataan dan seterusnya memahami apa yang hendak disampaikan melalui tafsiran lambang-lambang berkenaan di samping dapat memberikan pemahaman yang tepat berdasarkan makna pantun sebenar.

Kata kunci: semiotik, pantun, pensemiotikan Riffaterre, lambang, *Kurik-kundi Merah Saga*

Abstract

This study aimed to investigate the Malay 'pantun' by using exploratory of semiotic. Malay 'pantun' rich with treasure the beauty of language, full of symbols, lines rhyme and poetic words of views can show how polite Malay people recite their feelings, thoughts, or ideas and soul. The main objective of this study is to identify and analyze the Malay 'pantun' based on the Riffaterre semiotics theory. Methodology of this study is text analysis whereas the limitation of this 'pantun' is taken from Kurik Kundi Merah Saga. The aims of this study is to decrease difficulty in understanding the symbols or elements of certain words and the 'pantun' through the interpretation of the symbols thus to provide the actual meaning of the 'pantun'.

Keywords: semiotics, pantun, Riffaterre semiotics theory, sign, *Kurik Kundi Merah Saga*

1. Pengenalan

Pantun adalah sejenis puisi lama yang tergolong dalam sastera Melayu tradisional. Ia merupakan khazanah bangsa Melayu yang asli, tetap tumbuh subur dalam jiwa orang Melayu sebelum mereka mengenal membaca dan menulis. Keindahan dan keaslian pantun bukan sahaja terletak pada unsur bunyinya tetapi juga pada jiwanya iaitu jiwa kemelayuan yang tersirat dalam setiap pantun, seperti yang dikatakan oleh Za'ba (1965: 164) pantun ialah cara karangan berangkap yang betul-betul hak Melayu dari asal dan betul-betul mengandungi semangat Melayu. Pantun Melayu tradisional kebiasaannya mengandungi makna-makna yang implisit. Bagi memahami makna pantun ini maka para pengkaji harus memahami atau mengenali kebudayaan dan cara berfikir masyarakat Melayu terlebih dahulu. Hal ini disebabkan pantun Melayu merupakan pancaran masyarakat dan kebudayaan lama. Windstedt (dalam Che Norehan Aziz, 1994: 17) pernah berkata:

“...and no one can estimate the mental scope of the Malay without an understanding of pantun, the love versi and lampoon of Indonesian..the wood means not, only ‘quatrain’ but ‘proverb’ or smile such as pagar makan padi”...

Pantun sebagai puisi rakyat yang dimaksudkan untuk diucap secara lisan dan dinyanyikan. Pantun yang menjadi dasar kepada lagu-lagu Melayu asli seperti ‘Dondang Sayang’ di Melaka, ‘Lotah’ di Perak, ‘Oh Ah’, di Langkawi, ‘Cinta Sayang, dan ‘Canggung’ di Perlis, ‘Rentak Kuda’ atau ‘Bongai’ dan ‘Tumbuk Kalang’ di Negeri Sembilan. Begitu juga ‘Anding’ dan ‘Japin’ di Sabah. ‘Permainan Gendang’ di Sarawak dan ‘Cik Busu Membilang Malam’ di Hulu Dungun, Terengganu juga berdasarkan pantun. Semuanya mementingkan asonansi, rima dan irama pada satu pihak dan kesesuaian mesej yang akan disampaikan dengan majlis yang diadakan pada satu pihak yang lain (Mohd. Taib Osman, 1961:130). Kerana itu, ada pantun-pantun khas yang diucapkan pada waktu-waktu tertentu untuk tujuan yang tertentu pula.

Kehebatan dan ketepatan pantun sebagai satu alat kritik sosial yang digunakan oleh masyarakat Melayu menunjukkan bahasa masyarakat Melayu mempunyai daya pemikiran yang halus dan kreatif. Seperti mana Laksamana Hang Tuah pernah berkata “ takkan Melayu hilang di dunia”, pantun juga harus dipelihara agar terus hidup dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu hari ini. Pantun dikarang untuk menyampaikan kritikan dan sindiran terhadap sesuatu kepincangan yang berlaku dalam masyarakat. Kritikan dan sindiran ini amat tajam dan disampaikan secara berlapis dan berkias, sesetengahnya dalam bentuk gurauan. Masyarakat Melayu amat mementingkan keharmonian ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Pada ketika dahulu, pantun menjadi bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi yang bertujuan menjaga air muka pendengar atau orang yang dilawan bercakap. Melalui pantun, masyarakat Melayu berkias mengenai sesuatu secara halus dan teliti agar setiap perkara yang diingini disampaikan dan akan diterima dengan baik oleh seseorang. Oleh sebab itu, melodi dan pemilihan perkataan dalam pantun dibuat dengan teliti. Ini memperlihatkan bentuk pemikiran masyarakat Melayu yang sentiasa peka terhadap alam sekeliling dan menjadikan pantun sebagai lambang ketekalan minda yang “tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan” (Zurinah Hassan 2008).

Kesukaran memahami sesuatu lambang atau unsur yang terdapat dalam sesuatu perkataan boleh diungkapkan sekiranya kita memahami apa yang hendak disampaikan melalui tafsiran lambang-lambang berkenaan. Masalah ini dapat diselesaikan sekiranya kita memahami unsur simbolik yang melatarinya. Tidak hairanlah jika R.O. Windstedt (dalam Kamarul A. Kadir, 1986: 9) menegaskan tidak ada sesiapa pun yang dapat mengukur keluasan pemikiran orang Melayu tanpa memahami pantunnya. Bagi orang luar jika belum mengenal pantun bolehlah dianggap orang itu belum mengenal jiwa dan fikiran orang Melayu. (Kamarul A. Kadir, 1986:9). Demikianlah peri pengaruh pantun Melayu kepada masyarakat pada zaman itu. Pada pandangan pengkaji, pantun Melayu tradisional sebenarnya kaya dengan khazanah keindahan bahasa tersendiri, penuh dengan simbol, baris bersajak dan kata-kata puitis sehingga boleh mengelirukan pembaca bahkan sering pula menyesatkan pembaca untuk mencari makna sebenar sesuatu teks yang dibaca. Namun demikian pembaca masih boleh menanggapi makna teks melalui pembongkaran secara struktur dan intertekstual bagi memperoleh signifikasinya, inilah yang banyak diperkatakan oleh tokoh-tokoh semiotik terulung untuk melihat keunikan dan keindahan bahasa melalui kaca mata semiotik bagi memahami segala maksud tersirat yang hendak disampaikan oleh penulis.

Bahasa secara zahirnya mengandungi gelombang suara dari segi ucapannya dan dari segi tulisannya mengandungi lorekan dakwat, cat, ukiran dan lain-lain yang kesemuanya itu merujuk kepada sesuatu makna tertentu yang bertindak untuk menyampaikan maklumat atau hasrat. Bunyi ucapan atau lorekan tulisan merujuk kepada makna merupakan sejenis tanda atau sign (Hashim Musa 2006:63). Tanda ialah sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain. Kajian ke atas sistem tanda dikenali sebagai semiotics atau semiology (J.Lyons 1977:100). Kajian semiotik dibahagikan kepada tiga iaitu semantik tentang makna, sintaksis tentang kombinasi tanda-tanda dan pragmatik tentang asal-usul, penggunaan dan akibat dalam perlakuan yang dikaitkan tentang asal-usul, penggunaan dan akibat dalam perlakuan yang dikaitkan dengan tanda itu (S.Ullman 1972:17). Semiotik didefinisikan sebagai kajian tentang tanda dan lambang dengan benda atau idea yang dimaksudkan (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005:1440). Semiotik juga dianggap bidang sistematik tentang kajian tanda dan lambang linguistik serta lambang bukan linguistik yang digunakan dalam perhubungan berpola manusia (terbahagi kepada tiga iaitu pragmatik, semantik dan sintaktik). Berdasarkan Kamus Linguistik (1997:202) semiotik bermaksud pengkajian tentang tanda dan lambang serta lambang

bukan linguistik yang digunakan dalam perhubungan berpola manusia. Semiotik terbahagi kepada tiga cabang utama iaitu pragmatik, semantik dan sintaktik.

2. Kajian Lepas

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyorot beberapa kajian yang pernah dilakukan sebelum ini oleh beberapa orang sarjana. Kajian-kajian tersebut disorot berdasarkan subtajuk bidang sastera, bidang bahasa dan bidang semiotik. Pantun adalah pusaka warisan Melayu yang patut dipelihara nilai dan jangka hayatnya kerana pantun mencerminkan pemikiran, perasaan dan menyoroti sosiobudaya orang Melayu. R.J. Wilkinson dan R.O Windstedt sendiri mengakui bahawa seseorang itu tidak akan dapat memahami aliran pemikiran orang Melayu jika tidak memahami pantun Melayu. Seterusnya Dharmawijaya (1998) menegaskan pantun dari segi isi atau temanya terdapat beberapa jenis. Antaranya teka-teki, jenaka, kasih sayang, budi, nasib, perantau, adat, kepahlawanan, peribahasa, kias ibarat dan agama. Meskipun penentuan jenis-jenis isi atau tema tersebut bukanlah mutlak. Ini kerana dalam setiap jenis isi pantun itu lazimnya terdapat juga isi dan persoalan lain. Penentuannya lebih dilihat pada isi yang menjadi latar dan dasar perkembangan dengan isi atau persoalan lain yang berhubung. Misalnya, pantun yang mengemukakan isi tentang 'perantau' selalunya ditemui persoalan budi, nasihat dan kasih sayang. Dharmawijaya menjelaskan bahawa kedudukan penyusunan pembayang pantun terdapat suatu isu yang menarik. Penyusunannya membawakan unsur-unsur atau suasana alam. Penyusunannya menunjukkan kekuatan tanggapan dan ketajaman berhasil menimbulkan kesan kehalusan dan keindahan pengucapan. Khususnya melahirkan rima dengan baris-baris maksud pantun. Keindahan akan terasa lebih berkesan apabila terdapat rima tengah dan rima akhir yang berselangan

Selain itu, antara kajian-kajian lepas yang meneliti unsur semiotik atau perlambangan dalam karya sastera ialah kajian Mohamad Azmi Ab. Rahman (1998) yang mengkaji simbolisme dalam pantun percintaan Melayu. Satu daripada gaya pemikiran orang Melayu dahulu ialah gemar menyampaikan sesuatu persoalan secara tidak langsung (tersirat). Persoalan biasanya disampaikan dengan menggunakan bahasa kiasan. Kiasan-kiasan itu pula terbiasa penggunaannya dalam budaya Melayu dan mudah difahami maknanya. Kiasan-kiasan pula dipinjam daripada dunia tumbuhan, binatang unsur-unsur alam fizikal dan cakerawala. Seterusnya, Mohamad Azmi menjelaskan simbol dalam pantun percintaan Melayu terbahagi kepada dua simbol iaitu simbol umum dan simbol khusus. Berdasarkan pemerhatian, didapati adanya perbezaan dari segi jumlah simbol tersebut yang digunakan bagi kategori-kategori yang digariskan. Dengan memahami simbol-simbol dalam pantun percintaan Melayu ini kita akan dapat menghayati dan memahami dengan lebih mendalam bahasa dan budaya orang Melayu dahulu.

Selain itu, kajian pengkaji dapat dikaitkan dengan kajian oleh Mohamad bin Shaidan (2001) yang bertajuk "Penjabatan Semiotik dalam Puisi-puisi Suhaimi Hj. Muhammad" dari segi penggunaan simbol atau lambang dalam puisi. Kajian tersebut memberikan tumpuan terhadap penggunaan simbol atau lambang dan kesannya terhadap penerima. Dalam kajiannya, pengkaji membahagikan lambang-lambang atau tanda-tanda kepada tiga kategori iaitu tanda simbol, ikon dan indeks. Dapatan kajian Mohamad Shaidan jelas menunjukkan bahawa setiap tanda yang digunakan oleh Suhaimi Hj. Muhammad dalam puisinya memberi kesan yang berbeza kepada penerima tanda. Tanda simbol yang digunakan oleh Suhaimi menyakinkan pembaca tentang sesuatu yang dibicarakan. Tanda indeks pula menjadikan penerima tanda memperoleh pengetahuan tentang sesuatu kenyataan dan dapat memperkaya wawasan hidup. Tanda ikon dalam puisi-puisinya pula memperlihatkan daya memikat melebihi daripada tanda simbol dan indeks. Namun demikian, kajian ini tidak begitu menjuruskan kepada pengertian makna tanda dan kaitannya dengan pemikiran pengarang.

Secara umumnya, masalah berhubung dengan pengertian makna yang dihadapi oleh pembaca sewaktu membaca sesuatu karya dapat dirungkaikan dengan adanya kajian ini. Melalui penerapan teori pensemiotikan Riffaterra, kesukaran memahami makna lambang-lambang yang digunakan dalam karya-karya dapat diatasi dengan mudah.

3. Metodologi

Dalam bahagian ini, pengkaji meneliti pantun dengan menggunakan unsur semiotik atau perlambangan melalui penggunaan teori pensemiotikan Riffaterra. Menurut teori pensemiotikan Riffaterra, sesebuah kandungan puisi dapat dijelaskan melalui kemampuan melihat bahasa kerana pernyataan puisi selalunya adalah secara tersirat. Tahap awal puisi yakni tahap mimesis dan melahirkan maksud, manakala tahap semiotik pula melahirkan signifikansi. Riffaterra menyimpulkan bahawa tanda-tanda atau lambang-lambang tahap mimesis ke tahap signifikansi merupakan permulaan

kajian semiotik, kerana pada tahap ini semua tanda-tanda atau lambang-lambang berbaur antara satu sama lain dalam peringkat yang lebih tinggi. Proses pemindahan inilah yang dikira sebagai manifestasi semiosis. Pengasas teori ini, Riffaterre, merupakan seorang tokoh semiotik puisi yang dikenali di kedua-dua benua Atlantik-Eropah dan Amerika. Beliau terkenal kerana kemampuan berhujah serta memberikan pendapat dalam dasar-dasar memilih pengetahuan informasi yang luas dan kemampuan menganalisis sesuatu teks sastera dengan penuh berkeyakinan dan berkesan. Buku Riffaterre yang berjudul “*Semiotics of Poetry*” (1978) telah banyak menyentuh prinsip-prinsip dasar yang menjadi tunggak kepada pemodenan puisi. Sebagai seorang ahli dalam hal teori, Riffaterre berkemampuan menonjol sebagai seorang tokoh semiotik yang kritis. Idea-idea beliau yang amat jelas metodologinya, sesuai untuk digunakan dalam melihat karya-karya tempatan khususnya puisi tradisional dan puisi moden.

4. Analisis dan Perbincangan

Sehubungan dengan itu, artikel ini akan membincangkan unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun melalui pendekatan teori pensemiotikan Riffaterra, memandangkan masyarakat Melayu terkenal dengan pelbagai sistem lambang yang dilihat sebagai medium untuk menyampaikan teguran dan fikiran dengan cara yang lembut dan halus. Mereka menggunakan unsur alam yang dekat dengan kehidupan mereka seperti unsur flora dan fauna. Tempat kediaman dan alat kelengkapan bersumberkan flora. Sumber makanan utama juga bergantung kepada flora dan fauna. Hal ini, menyebabkan pemikiran orang Melayu mempunyai hubungan yang cukup erat dengan alam.

Contoh 1

Kalau nak gugur gugurlah nangka,
Jangan menimpa ranting pauh;
Kalau nak tidur tidur la mata,
Jangan dikenang orang yang jauh. (1226:154)

Berdasarkan kepada pantun di atas dapat dilihat terdapatnya hubungan antara dua kuplet yang menampilkan satu gerakan, iaitu gerakan dari alam secara luaran kepada manusia secara dalaman. Pantun ini diibaratkan seperti membayangkan keperihalan manusia serentak diselindungan dan dibayangkan dengan imageri alam yang dicerminkan menggunakan metafora. Kehidupan masyarakat dahulu tidak dapat dipisahkan dengan alam yang bukan sahaja dilihat sebagai sumber rezeki mereka malahan merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu sering menggunakan simbol alam dalam mengungkapkan sesuatu perkara. Bahasa yang digunakan dalam pantun padat dan berhemat, sesuai dengan mesej dan fikiran yang ingin disampaikan oleh masyarakat pada zaman tersebut.

Pantun di atas mengisahkan buah nangka yang diharapkan gugur, tetapi gugur dengan tidak menimpa ranting pauh. Hal ini mungkin disebabkan adanya buah pauh pada ranting berkenaan dan buah pauh lebih kecil daripada nangka. Akibatnya mungkin akan merosakkan ranting bersama buah-buah pauh itu sekali. Tema pantun ini pula mengisahkan seseorang yang hendak tidur, tapi matanya sukar untuk dipejamkan. Hal ini mungkin disebabkan oleh terkenangkan orang yang jauh. Dengan lebih tepat mengisahkan hubungan antara lelaki dan perempuan yang berkasihan tetapi berada jauh antara satu dengan lain (pantun berkasih). Oleh sebab itu mereka saling teringat antara satu dengan lain sehingga membuahkan perasaan rindu akibat berjauhan.

Bahagian pembayangnya pada kuplet pertama, sudah membayangkan maksud pada bahagian kuplet kedua. Bahagian maksud baharu mendapat makna penuh sebagai semiotik dalam kontrasnya dengan hipogram (latar) pembayang yang ditransformasikannya.

Secara horizontal pula, kita akan tertanya-tanya apakah kaitan antara satu dengan lain dan kenapa?

Gugur dengan buah nangka,
tidur dengan mata,
timpa dengan pauh,
kenang dengan orang jauh.

Sementara secara vertikal pula, kita akan tertanya-tanya apakah hubungan antara satu dengan lain. Kenapa?

Nak gugur dengan nak tidur
Jangan menimpa dengan jangan dikenang
Gugurlah nangka dengan tidurlah mata
Ranting pauh dengan orang jauh

Hipogram I berupa semi-andaian. Dalam bahagian ini pengkaji mengandaikan gugur berikonik dengan tidur. Bukan saja dilihat dari keselarian linguistik tetapi juga sifatnya. Gugur buah nangka yang ranum itu sama dengan sifat manusia yang dikatakan mati, yang dilambangkan dengan perkataan tidur diibaratkan sama dengan mati, tetapi hanya sementara sifatnya. Tidur membawa maksud dalam keadaan tidak sedar dengan mata terpejam kerana berehat. (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005:681).

Hipogram II merupakan tanggapan biasa. Perasaan rindu iaitu sifat emotif yang hadir dalam setiap individu. Rasa rindu itu terjadi antara individu yang saling mengingati apabila lama tidak bersua atau bertanya khabar. Perasaan rindu boleh hadir sama ada dalam perhubungan antara lelaki dan perempuan, hubungan terhadap ibu bapa, adik-beradik, sahabat atau makhluk ciptaan tuhan tanpa mengira umur. Pantun ni lebih jelas membayangkan perasaan rindu seseorang lelaki atau perempuan kepada pasangannya yang sudah lama tidak bersua kerana tinggal berjauhan antara satu dengan lain.

Seterusnya beralih kepada proses pembongkaran kod kata untuk mencari signifikan makna teks secara lebih jelas dan tepat. Masyarakat Melayu adalah masyarakat yang berasaskan ekonomi pertanian, buah-buahan merupakan antara tanaman utama selain penanaman padi, jagung, dan lain-lain. Buah nangka terkenal di kawasan kampung, ditanam dalam satu kawasan, terutamanya di sekeliling rumah dan bercampur-campur dengan tanaman lain. Sifatnya yang berduri pendek dan tumpul serta tekstur kulit yang agak kasar, saiz yang lazimnya agak besar, dan berat mungkin akan merosakkan buah itu sendiri jika gugur atau tanaman lain yang berhampiran dengannya. Buah nangka akan gugur dengan sendiri jika sudah cukup masak. Hal ini menyebabkan timbulnya kebimbangan penulis pantun apabila buah nangka akan menimpa ranting pauh dan merosakkan tanaman tersebut.

Kenapa nak tidur, tidurlah mata? Mata merupakan pancaindera yang digunakan untuk melihat. Pepatah Melayu ada menyebut 'dari mata turun ke hati' kerana dengan melihat sesuatu secara luaran barulah hati manusia akan berdetik sama ada suka ataupun tidak. Sesuatu keputusan yang dibuat dalam diri manusia bertitik tolak dari hati. Jikalau hati sudah membuat ketetapan untuk tidak berubah, maka sukarlah diubah pemikiran dan sikap seseorang itu. Terokaan di atas menampakkan perkaitan kod kata, kod baris yang diwujudkan ini saling berkait rapat dalam menjelaskan makna sebenar teks.

Mengapa dikenang orang yang jauh? Sebagai manusia kita telah diberikan sifat kasih sayang antara satu dengan lain. Apabila berjauhan mula terbit rasa rindu antara satu dengan lain. Keadaan ini yang boleh menyebabkan kita sentiasa mengingati antara satu dengan lain. Oleh yang demikian, kod baris berbunyi 'jangan dikenang orang yang jauh' melihat kepada hubungan kasih sayang walaupun jauh tetapi tetap kekal di hati yang menjamin hubungan antara dua insan yang sedang berkasih untuk mencapai cita-cita sehingga ke jinjang pelamin. Demikianlah, kreatifnya pujangga Melayu dahulu mentransformasikan dunia sekeliling yang ditanggapi menjadi suatu sumber teks yang indah. Jelas terokaan semiotik dapat memberi satu kepuasan nilai makna sesuatu teks.

Contoh 2

Pukul gambang kampung Cik Tahir,
Bunyinya sampai ke Pulau Jerjak;
Umpamanya kiambang di atas air,
Daunnya hijau akarnya tak jejak. (1984:161)

Kiambang atau nama saintifiknya ialah *Pistia stratiotis* bermaksud sejenis tumbuhan yang terapung-apung di permukaan air (Kamus Dewan Edisi keempat 2005:785). Pantun peribahasa di atas dikaji menggunakan teori pensemiotikan Riffaterre, iaitu melihat pantun tersebut dalam satu terokaan semiotik, tahap pertama sekali ialah membuat penelitian secara memetik. Tahap ini yang perlu dilihat ialah menemukan makna dan pembayang yang tiada kaitan dengan maksud pantun. Secara lateral dua baris pembayang berkenaan menceritakan tentang pukul

gambang kampung Cik Tahir. Gambang bermaksud sejenis alat muzik diperbuat daripada bilah-bilah kayu atau gangsa yang panjangnya tidak serupa. (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005:428)

Pada baris ketiga dan keempat di bahagian maksud menceritakan berkaitan tumbuhan kiambang sebagai tanda yang ingin dilihat dalam pantun ini. Kiambang seperti yang dijelaskan di atas tadi merupakan tumbuhan yang hidup di permukaan air dan akarnya tidak jejak ke bumi. Kiambang sering dikaitkan dengan sifat yang tidak teguh dan tidak tetap di sesuatu tempat. Pengkaji mengandaikan kiambang adalah gadis atau wanita dalam pantun ini. Namun, gadis atau wanita yang dimaksudkan seperti kiambang ini dilambangkan dengan sifat yang tidak tetap pendiriannya dan sering berubah-ubah mengikut kepada arus pergerakan air yang ada masanya pasang dan surut. Begitu juga sifat wanita yang digambarkan mudah terjebak dengan perkara-perkara yang tidak baik jika tidak teguh imannya. Kod perkataan dalam baris pantun kiasan ini seolah-olah tiada kaitan dengan kisah yang ingin disampaikan tetapi makna disebalik perlambangan yang digunakan mampu untuk menyampaikan mesej dan nasihat secara berkesan. Secara horizontal pula, kita akan bertanya-tanya apakah kaitan antara:

Pukul gambang kampung Cik Tahir?
Bunyinya sampai ke Pulau Jerjak?
Umpamanya kiambang di atas air?
Daunnya hijau akarnya tak jejak?

Sementara secara vertikal pula, kita akan bertanya-tanya apakah hubungan antara satu dengan lain.

Pukul gambang dengan umpama kiambang?

Kampung Cik Tahir dengan di atas air?
Bunyinya hijau?
Pulau jerjak akarnya tak jejak?

Makna kod yang saling berkait ini perlu dirungkaikan serapi mungkin agar dapat menanggapi makna teks dengan tepat. Pelbagai pertanyaan ini mengajak kepada manifestasi semiosis, iaitu untuk keluar dari daerah kabur kepada makna yang utuh, iaitu daerah semiotik. Bagi merealisasikan maksud pantun yang ingin disampaikan, perlu dilihat kepada penanda-penanda pada kod lambang sama ada berupa ikon, indeks dan simbol. Oleh itu, untuk mendapatkan makna yang tetap ini boleh dianalisis dengan dua hipogram.

Hipogram I berupa semi-andaian. Dalam bahagian ini penulis mengandaikan bahawa 'gambang' berikonik dengan 'kiambang' berdasarkan kesejajaran sifat kedua menunjukkan kesejajaran antara satu dengan lain. Pada hipogram II, pula pengesanan kod tanggapan biasa pembaca. Pembaca pantun mungkin telah terbiasa dengan kod 'pukul gambang' kerana ini menjadi indeks dalam kehidupan harian mereka. Masyarakat dahulu menggunakan gambang dalam acara kesenian bukan sahaja sebagai hiburan malah sebagai medium untuk memperkatakan sesuatu. Begitu juga dengan 'kiambang' menjadi indeks juga dalam kehidupan masyarakat Melayu yang sinonim dengan flora dan fauna.

Begitu juga kod 'Pulau Jerjak' dengan 'tak jejak'. Berkemungkinan penulis berpendapat Pulau Jerjak ini jauh dan sukar untuk di jejaki jadi terdapatnya kesukaran untuk menjejaki seseorang yang telah pergi ke Pulau Jerjak dan mungkin akan terpisah. Pada kod budaya masyarakat, kehidupan berpisah dan merantau itu sudah menjadi lumrah dalam kehidupan setiap insan.

Seterusnya beralih kepada proses pembongkaran kod kata untuk mencari signifikan makna teks secara lebih jelas dan tepat. Gambang merupakan sejenis alat muzik yang biasa digunakan dalam keramaian masyarakat dahulu kala. Malahan gambang juga digunakan untuk menghebahkan dan memberitahu sesuatu kepada orang ramai. Sifatnya yang mampu menghasilkan bunyi membolehkan gambang sering digunakan dalam melakukan sesuatu pengumuman kepada orang ramai pada zaman dahulu sehingga penulis menyamakan 'bunyinya sampai ke Pulau Jerjak' yang diibaratkan cukup kuat hingga mampu sampai ke tempat yang jauh. Mengapa umpama kiambang di atas air? Kiambang merupakan tumbuhan yang sering boleh dilihat di atas permukaan air. Sifatnya yang hanya mampu hidup di dalam air menjadikan kiambang cukup indah dilihat di waktu pagi yang mengembang dan kuncup menjelang petang. Bunga kiambang terdiri dari pelbagai warna seperti putih dan keunguan mampu mempesonakan mata yang memandangi di samping daun-daun kiambang yang kehijauan. Namun demikian di sebalik daun kiambang yang kehijauan daunnya, akarnya tidak jejak ke tanah. Kebiasaannya kedudukan kiambang akan berubah-

ubah di bawa oleh pergerakan air. Daun kiambang yang hijau membawa konotasi kehidupan yang baik dan sempurna tapi adakalanya akan di timpa badai atau cubaan seperti akarnya yang tidak jejak menjadikan kiambang berubah-ubah mengikut arus air sama seperti perempuan yang tidak tetap pendirian. Hal ini memperlihatkan masyarakat Melayu yang mempunyai nilai yang tersendiri dalam menyampaikan sesuatu perkara sehingga setiap baris dituturkan dengan cukup sopan tanpa mengguris hati masyarakat pendengarnya.

Contoh 3

Kalau mengail di lubuk dangkal,
Dapat ikan penuh seraga;
Kalau kail panjang sejengkal,
Jangan lautan hendak diduga. (1984:155)

Simbol yang ditandai dalam pantun ini ialah lautan. Lautan diibaratkan seperti kehidupan manusia yang cukup luas tanpa sempadan yang adakalanya pasang adakalanya surut. Begitu juga dengan manusia yang sering diberikan cubaan dan dugaan oleh Allah untuk menguji tahap keimanan seseorang hamba. Lautan digunakan sebagai lambang keabadian dan peringatan kepada kuasa yang abadi. Allah menjadikan lautan untuk manusia sentiasa berfikir dan mensyukuri setiap kejadian yang terbentang didepan mata. Oleh yang demikian pengarang Melayu tidak dapat lari daripada menggunakan simbol lautan dalam karya mereka yang dilihat sebagai salah satu unsur alam yang cukup dekat di jiwa masyarakat pada zaman tersebut.

Berdasarkan kaedah pensemiotikan Riffaterre, penelitian yang utama dilakukan pada tahap memetik iaitu menemukan makna pembayang yang tiada kaitan dengan maksud. Secara lateral, dua baris pembayang berkenaan menceritakan tentang seseorang yang pergi mengail di lubuk dangkal. Di situ pengail memperoleh ikan penuh seraga. Namun demikian dalam baris 3 dan 4 menerangkan tentang manusia yang tidak cukup membuat persediaan dalam menempuh segala kemungkinan tidak akan dapat mengatasi cabaran yang akan dilaluinya dalam kehidupan dan diibaratkan sebagai pengail yang mempunyai kail yang tidak cukup panjang tetapi hendak mengail di laut yang dalam.

Pantun ini memperlihatkan empat kisah yang saling berturutan antara satu dengan lain. Hubungan kisah ini diukir seperti yang berikut:

1. Kisah mengail di lubuk dangkal
2. Kisah mendapat ikan penuh seraga
3. Kisah kail panjang sejengkal
4. Kisah lautan hendak diduga

Apakah maksud kod kata di atas? Secara horizontal pula, kita akan bertanya-tanya apakah kaitan antara:

mengail dengan lubuk?

ikan dengan raga?

kail panjang panjang sejengkal?

Lautan hendak di duga?

Sementara secara vertikal pula, kita akan bertanya-tanya apakah hubungan antara satu dengan lain.

mengail dengan kail?

ikan dengan lautan?

Lubuk dangkal panjang sejengkal?

Penuh seraga hendak diduga?

Hipogram I berupa semi-andaian. Pada bahagian ini pengkaji mengandaikan mengail berikonik dengan kail berdasarkan sifat kedua-duanya yang saling berkaitan. Bagi pantun ini, kail digunakan untuk mengail di lubuk yang dangkal. Dangkal bermaksud tidak dalam (berkenaan perigi, sungai dan lain-lain), cetek, tohor (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005: 311).

Kebiasaanya kail digunakan oleh nelayan untuk menangkap ikan di kawasan yang lebih cetek seperti parit atau sungai. Hal ini kerana kebiasaannya pukot atau jaring yang akan digunakan untuk menangkap ikan dikawasan yang lebih dalam dan jumlah tangkapan adalah lebih banyak berbanding mengail.

Pada hipogram II pula, pengesanan kod tanggapan biasa pembaca. Pembaca pantun mungkin telah terbiasa dengan kod 'kail' hal ini kerana menjadi indeks dalam kehidupan harian mereka. Begitu juga 'mengail' menjadi indeks juga dalam kehidupan masyarakat Melayu yang bergantung hidup kepada aktiviti tangkapan. Mereka mungkin nelayan yang hanya bergantung hidup dengan hasil tangkapan pada masa tersebut.

Begitu juga kod 'ikan' dengan 'lautan'. Lautan yang diciptakan oleh Allah bukan hanya sekadar memberi nikmat keindahan yang tidak terperi apabila dilihat dan diamati malah mengandungi pelbagai hasil laut yang cukup banyak tidak akan habis walaupun ditangkap hari-hari. Begitu juga dengan ikan yang merupakan ciptaan Allah yang menghuni lautan betapa memperlihatkan keagungan dan kebesaran ciptaan Allah kepada makhluk di muka bumi ini. Kedua-dua unsur ini dilihat sinonim dengan masyarakat Melayu dahulu yang bergantung hidup kepada rezeki di lautan.

Seterusnya beralih kepada proses pembongkaran kod kata untuk mencari signifikan makna teks secara lebih jelas dan tepat. Mengail merupakan perbuatan yang dilakukan untuk menangkap ikan menggunakan kail (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005:655). Masyarakat Melayu dahulu sering menggunakan kail untuk menangkap ikan kerana kail mudah di bawa dan diperoleh. Bagi pantun di atas mungkin menerangkan seseorang mengail di lubuk dangkal yang memperoleh ikan penuh seraga. Hal ini menerangkan jika kita bijak menggunakan sesuatu peralatan tidak mustahil untuk memperoleh hasil yang lumayan walaupun pada asalnya seperti tidak akan mungkin.

Namun demikian jika kail hanya panjang sejengkal jangan kita mengharapkan untuk menduga lautan yang lebih dalam. Hal ini mungkin menerangkan orang yang tidak membuat persediaan yang cukup dalam menempuh kemungkinan yang tiba tidak akan dapat mengatasi cabaran diibaratkan sebagai pengail yang mempunyai kail yang tidak cukup panjang iaitu hanya sejengkal tetapi ingin mengail di laut dalam. Hidup umpama gelombang kehidupan, maka seseorang itu harus memenuhi ilmu di dada dengan ilmu pengetahuan sebagai persediaan menempuh segala kemungkinan. Orang yang tidak cukup persediaan menempuh segala kemungkinan akan mendapat masalah. Jika usaha yang dilakukan masih alang kepalang jangan mengharapkan hasil yang memuaskan, melainkan jika sudah melakukan usaha yang sehabis baik maka bolehlah mengharapkan hasil seperti yang disasarkan. Lautan yang terbentang luas dan ombak yang memukul pantai memberi kesedaran dan pelbagai pengertian berkaitan kehidupan.

5. Kesimpulan

Di dalam kertas kerja ini kita dapat melihat perkaitan antara pantun dengan semiotik. Jika dilihat secara umum pantun bersifat simbolik, bersifat dinamik dan tidak statik iaitu berkesinambungan dan sentiasa mengalami perubahan bersesuaian dengan khalayak pembacanya. Lazimnya pantun dianggap sebagai suatu entiti budaya untuk tujuan manusia berkomunikasi dan saling berhubung antara satu sama lain. Masyarakat Melayu pada umumnya terkenal sebagai masyarakat yang tinggi nilai kesopanan dan kebudayaannya. Mereka tidak mengungkapkan sesuatu secara terus tetapi melalui perlambangan, kiasan dan sindiran bagi menegur seseorang yang melakukan kesalahan. Segala perasaan, jiwa, nasihat dan pengajaran disampaikan dalam bentuk puisi-puisi indah seperti pantun. Malahan pantun dilihat sebagai salah satu bentuk sastera lisan Melayu yang masih segar dan digunakan sehingga ke hari ini. Pantun merupakan khazanah Melayu yang indah bagi menyampaikan fungsi tertentu dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kegemaran orang Melayu berpantun, memberi peluang kepada mereka untuk memanfaatkan pantun sebagai media dakwah serta menyampaikan nasihat dan pandangan dengan cara yang lebih halus dan sopan.

Selain itu, pantun merupakan manifestasi pemikiran masyarakat Melayu silam. Mereka menghasilkan pantun dari pemikiran manusia yang amat jernih dan signifikan, sehinggakan pantun mampu menjelmakan pemikiran yang amat arif dan bijaksana yang lahir dari pengamatan mata yang peka dan rinci. Malah pantun bukan sahaja menjadi cermin untuk kita membaca minda Melayu, tetapi sama seperti bentuk-bentuk sastera yang lain pantun menjadi cermin kepada seluruh adab kehidupan manusia silam, termasuk persekitarannya. Kesimpulannya, kajian ini dapat membantu pembaca merungkaikan masalah berhubung dengan makna sesebuah karya puisi. Hal ini kerana lambang-lambang yang digunakan dalam karya-karya dapat difahami dengan mudah apabila makna di sebalik lambang yang digunakan oleh penulis berkenaan dapat difahami oleh pembaca.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1990). Semiotik dan Bahasa dlm Supardy Muradi. *Kesusasteraan daripada Perspektif Semiotik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (2003). *Semiotik dalam penelitian puisi*. Kumpulan Esei Sastera. Citra Kurnia Enterprise.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Michael Riffaterre. (1978). *Semiotics of Poetry*. Blomington, London: Indiana University Ptes.
- Myrdene Anderson & Floyd, 1991. *On Semiotic Modeling*. Berlin: Walter de Gryuter.
- R.J Wilkinson dan R.O Windstedt. (1957). *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.
- Ullman, S. (1972). *Semantics: An Introduction to Science of Meaning*. Oxford: Black Peperback.
- Lyons, J. (1968). *Introduction to Theoretical Linguistics*, London/ New York Cambridge Universiti Press.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan, Salinah binti Ja'far dan Tengku Intan Marlina tengku Mohd Ali. (2008). Kritikan Sosial dlm *Pantun Melayu: Lambang Ketekalan Minda*. Akademi Pengajian Melayu. Universiti malaya.